

Mokhzani dilantik Bendahari UMNO Kedah

UM 10 JUN 2003

Oleh
SITI MARIAM MD. ZAIN

ALOR STAR 9 Jun — Bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Merbok, Datuk Mokhzani Mahathir dilantik sebagai bendahari UMNO Kedah dalam satu rombakan untuk memperkuatkan badan perhubungan itu menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Mokhzani, 42, dilantik sebagai Bendahari UMNO Kedah bagi mengisi kekosongan jawatan itu yang dilepaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Datuk Dr. Abdul Ghani Shafie sejak Mac lalu.

Sejak tiga bulan lalu, jawatan itu dipangku oleh Pengerusinya, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Ketua UMNO Bahagi-

an Jerlun, Datuk Abdul Rahman Ariffin, 49, pula dilantik sebagai Setiausaha UMNO Kedah yang baru menggantikan Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sumber Manusia, Datuk Osman Md. Aji.

“Keputusan dibuat dalam mesyuarat yang diajukan semalam untuk memperkemaskan lagi jentera parti bagi menghadapi pilihan raya,” kata Syed Razak ketika dihubungi di sini hari ini.

Syed Razak yang juga

Menteri Besar berkata, pengguguran Osman dibuat kerana beliau perlu menumpukan sepenuh perhatian kepada kerja-kerja sebagai Exco kerajaan negeri.

“Sebagai Exco Pelancongan beliau (Osman) mempunyai tugas yang berat memandangkan industri ini penting kepada negeri dalam usaha mencapai matlamat Pelan Tindakan Kedah Maju (2010),” katanya.

Bersetuju

Mengulas lanjut, Syed Razak berkata, mesyuarat juga bersetuju melantik veteran UMNO, Tan Sri Azahari Taib sebagai Penasihat Eksekutif Gerak Kerja Pilihan Raya manakala Ketua UMNO Bahagian Merbok, Senator Datuk Arzmi Abd. Hamid pula dilantik Pengerusi Jawatankuasa Daftar Pemilih UMNO negeri.

Sebelum ini, tempat Ketua Pemuda UMNO Kedah merangkap Ketua Pemuda UMNO Pokok Sena, Ariffin Man telah digantikan oleh Naib Ketua Pemuda UMNO Pusat, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Ariffin kemudian diumumkan sebagai Pegawai Eksekutif Badan Perhubungan UMNO Kedah, iaitu jawatan baru yang diwujudkan.

Muka lama yang kekal dalam senarai jawatankuasa badan perhubungan UMNO Kedah ialah Timbalan Pengerusi, Tan Sri Dr. Abd. Hamid Othman, Ketua Penerangan UMNO, Datuk Badruddin Amiruldin, Ketua Pergerakan Wanita, Rosnah Majid, Ketua Puteri UMNO, Suraya Yaacob serta 12 ahli jawatankuasa kecil.